

Karnival Kolej Mohamad Rashid UPM 2006 penuh makna

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

SERDANG (19-22 Jan) – Bagi menepati usia 75 tahun UPM, Kolej Mohamad Rashid (KMR) atau dahulunya Kolej Kediaman Pertama dan kolej Cikgu Rashid merupakan kolej tertua di Universiti Putra Malaysia (dahulunya Universiti Pertanian Malaysia) berjaya menganjurkan Karnival Kolej Mohamed Rashid (KMR) dengan sambutan penuh bermakna dan berwawasan.

Karnival yang sungguh istimewa ini berjaya menghimpunkan sebanyak 330 beg darah yang berjaya dikumpulkan melalui kempen derma darah oleh warga kampus dan menggilap bakat kugiran 70-an di kalangan mahasiswa UPM.

Pengetua KMR, Dr Abu Sofian Yaacob berkata, sambutan sungguh menggalakkan dan keadaan cuaca yang baik turut membantu karnival berlangsung dengan meriah.

Karnival tersebut bertemakan 'KMR... Segala-galanya Bermula Di Sini' terbukti dapat menjadi medan pertemuan dan jalinan persaudaraan warga UPM dengan masyarakat umum dan para alumninya.

Lebih membanggakan, karnival ini membantu usaha KMR untuk mengumpulkan dan menemukan semula bekas-bekas penghuni kolej seramai yang mungkin yang kini berada di merata tempat di seluruh negara untuk kembali bersama KMR UPM.

"Melalui KMR, UPM ramai melahirkan graduan yang mahir dalam pelbagai bidang. Antaranya, pertanian, perniagaan, dan politik. Malahan, kebanyakan pegawai dan kakitangan UPM pada hari ini adalah berasal dari KMR," jelas Dr Abu Sofian Yaacob lagi.

Karnival yang berlangsung selama empat hari ini adalah anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa dan pihak pengurusan KMR. Dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Y. Bhg. Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini termasuklah pameran, gerai-gerai jualan, forum bicara intelek, program derma darah, pertandingan futsal, pertandingan fotografi, mini zoo, treasure hunt, Kempen keselamatan jalan raya dan pertandingan kugiran tahun 70-an.